

11 FEB 2003

RAFIDAH-WTO/I

RAFIDAH KETUAI DELEGASI MESYUARAT TIDAK RASMI MENTERI WTO

Oleh: Mohd Kamel Othman

KUALA LUMPUR, 11 Feb (Bernama) -- Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI) Datuk Seri Rafidah Aziz akan mengetuai delegasi ke Mesyuarat Tidak Rasmi Menteri-menteri mengenai isu Pertubuhan Perdagangan Dunia (WTO) di Tokyo, bermula Jumaat ini.

Mesyuarat berkenaan bertujuan membolehkan para menteri bertukar-tukar pandangan mengenai perkembangan rundingan WTO berhubung dengan pembukaan pasaran untuk pertanian, barangan bukan pertanian dan perkhidmatan dan perkembangan isu-isu lain berkaitan dengan anti-lambakan, undang-undang WTO dan Aspek Perjanjian Hak Harta Intelek yang Berkaitan Perdagangan (TRIPS).

Menteri-menteri juga akan mengadakan perbincangan mengenai isu perdagangan dan pelaburan, perdagangan dan dasar persaingan, fasilitasi perdagangan dan ketelusan dalam perolehan kerajaan.

Mesyuarat tiga hari itu akan dihadiri oleh 25 negara anggota WTO. Negara-negara berkenaan ialah Australia, Brazil, Kanada, Chile, China, Costa Rica, Mesir, Kesatuan Eropah, Hong Kong, India, Indonesia, Jepun, Kenya, Korea Selatan, Lesotho, Malaysia, Mexico, New Zealand, Nigeria, Senegal, Singapura, Afrika Selatan, Switzerland, Trinidad & Tobago dan Amerika Syarikat.

"Kami akan terus mengadakan perbincangan. Kita masih ada banyak isu-isu yang tertangguh," kata Rafidah kepada Bernama.

Rundingan WTO kini belum mencapai apa-apa kemajuan, khususnya dalam isu-isu penting, disebabkan oleh perbezaan pendapat antara negara-negara maju dan sedang membangun.

Tarikh akhir perbincangan bagi kedua-dua TRIPS dan Kesihatan Awam serta Layanan Istimewa dan Berbeza telah dimuktamadkan tanpa sebarang persetujuan dicapai.

Mesyuarat di Tokyo ini akan membolehkan menteri-mentri membincang cara-cara yang boleh mengurangkan jurang perbezaan bagi isu-isu di samping menyemak kembali perkembangan di bidang-bidang lain seperti pembukaan pasaran bagi pertanian dan produk bukan pertanian dan perkhidmatan.

Pada Mesyuarat Menteri-menteri WTO di Doha pada 2001, para menteri telah bersetuju yang setiap negara anggota memulakan program kerja yang terhad kepada menjelas dan mengenalpasti elemen-elemen untuk dimasukkan dalam satu rangka bagi keempat-empat isu ini.

Keputusan untuk rundingan mengenai isu-isu ini akan diambil semasa Persidangan Peringkat Menteri-menteri Kelima di Cancun, Mexico pada bulan September 2003.

"Saya tidak melihat sebarang perkembangan baru akan berlaku di Tokyo. Mungkin, terdapat beberapa persefahaman (dicapai) tetapi kita telah tertinggal banyak tarikh akhir WTO dari segi membincangkan isu-isu," kata Rafidah.

"Saya tidak pasti sama ada mesyuarat ini akan dapat membantu Mesyuarat Cancun akan datang," tambah beliau.

Bagaimanapun, menteri itu berkata Malaysia akan pergi atas dua sebab iaitu untuk mengetahui pemikiran peserta-peserta utama dan mengukuhkan kedudukannya dalam beberapa isu yang dibincang.

Selain daripada menghadiri mesyuarat tidak rasmi Menteri-menteri berkenaan, Rafidah akan mengadakan perbincangan dua hala dengan Menteri Ekonomi, Perdagangan dan Industri Tokyo, Takeo Hiranuma.

Mesyuarat yang dijadualkan berlangsung pada hari Ahad itu akan membincangkan kerjasama ekonomi antara Malaysia dan Jepun.

"Kami akan membincangkan kerangka kerja Perkongsian Ekonomi Lebih Erat (CEP) yang akan membabitkan kawasan perdagangan bebas dengan Jepun," kata beliau.

Kawasan perdagangan bebas dua hala Malaysia-Jepun diumumkan pada Disember 2002 ketika lawatan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad ke Jepun. -- BERNAMA

MKO FR AA